

PESONA

Bantu baiki taraf hidup wanita

Oleh KASANABILAH KAMARUL ZAMAN
 kasanabilah.zaman@kosmo.com.my



KEMAHIRAN mengurut menjadi punca rezeki buat Saodah untuk menyara keluarganya.

SECARA purata setiap tahun, sekitar 500,000 kelahiran dicatatkan di negara ini. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah kelahiran hidup di negara ini pada tahun 2012 adalah seramai 508, 774 dan 511,594 bagi tahun 2011.

Selain penjagaan bayi yang dititik beratkan, penjagaan ibu selepas bersalin juga amat penting untuk kesejahteraan keluarga. Selepas mengandung dan bersalin, seorang wanita khususnya yang pertama kali melahirkan anak mengalami satu perubahan besar dalam hidup mereka dari segi mental dan fizikal.

Dengan adanya penjagaan khusus, para ibu akan berasa lebih yakin dan selesa walaupun mengalami perubahan hormon dan kesakitan selepas bersalin.

Peka dengan situasi tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan program MamaCare yang menyediakan tenaga terlatih tentang penjagaan selepas bersalin.

Khidmat penjagaan ini termasuklah khidmat nasihat, urutan khusus untuk wanita selepas bersalin, amalan-amalan semasa berpantang dan cara penyusuan.

Sara anak-anak

Salah seorang pengamal MamaCare, Saodah Delan, 58, ketika ditemui memberitahu, kehidupannya banyak berubah selepas menyertai program MamaCare.

Wanita yang bergelar ibu tunggal selepas kematian suaminya 15 tahun lalu hanya berpendapatan RM2,000 sebulan untuk menyara empat orang anaknya.

Saodah yang mesra dengan panggilan Kak O ini pada awalnya menjana pendapatan dengan menyediakan perkhidmatan mengurut selepas menghadiri kursus urutan yang dipelajarinya awal tahun 2000.

Bagaimanapun, selepas menyertai program anjuran LPPKN, wanita kelahiran Kuala Lumpur ini berjaya mengubah kehidupannya.

Menurut Kak O, pendapatan bulannya boleh mencecah sehingga RM5,000 sebulan melalui khidmat yang diberikan sebagai tukang urut. Kemahiran mengurutnya meningkat seiring dengan kemahiran pemasaran.

"Kini saya mempunyai sebuah kedai di Keramat Mall yang menyediakan khidmat urutan untuk wanita selepas bersalin, urutan kesihatan dan urutan muka untuk wanita.

Pemilik kedai yang diberi nama De Manja Villa ini merupakan graduan kelompok pertama MamaCare yang turut membantu para pengajar setiap kali kursus MamaCare diadakan.

"Program MamaCare sangat berkesan dalam mengubah hidup wanita seperti saya," ceritanya yang kini banyak menerima tempahan untuk membuat urutan.

Sementara itu, Ketua Unit Dasar Bahagian Perancangan Korporat LPPKN, Kamarul Faridah Kamarul Zaman memberitahu, pelaksanaan program MamaCare adalah kerjasama antara LPPKN, Eduskill, dan Persatuan Warisan Urutan Melayu Malaysia (HAMA).

Jelasnya, pada peringkat awal, para peserta akan menjalani kursus selama empat hari tiga malam di lokasi yang ditetapkan mengikut negeri masing-masing.

Ilmu



PERALATAN yang disediakan di pusat urut MamaCare.

"Dalam tempoh tersebut, pelbagai ilmu diberikan kepada peserta termasuklah konsep berpantang, larangan dan amalan yang dilakukan ketika berpantang, definisi dan kaedah serta panduan urutan

selain penggunaan herba dan akar kayu.

"Amalan tradisional seperti bertungku, tangas, sauna, salai dan cara penggunaannya yang betul juga turut dikongsi sepanjang kursus untuk memastikan wanita-wanita ini mempunyai kemahiran yang cukup apabila berhadapan dengan pelanggan," katanya ketika ditemui di LPPKN baru-baru ini.

Program yang melibatkan teori dan praktikal ini diberi secara percuma kepada golongan yang layak iaitu ibu tunggal, wanita yang berpendapatan rendah dan warga emas. Bagi wanita yang berpendapatan RM3,000 ke bawah dan warga emas yang masih mempunyai kudrat untuk bekerja, mereka layak untuk menyertai program ini.

MamaCare adalah program dalam bentuk kelas yang sebahagian besarnya adalah latihan amali dan hanya 20 peratus sahaja melibatkan teori. Selepas menjalani kursus selama empat hari tiga malam tersebut, para peserta akan menjalani latihan amali pada peringkat pertama sebanyak 10 sesi.

Ketua Pengawai Eksekutif Eduskill, Dr. Zam @ Ab. Razak Zamri berkata, dalam setiap sesi, para pelatih perlu melakukan khidmat urutan kepada pelanggan untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari.

"Biasanya, setiap sesi memakan masa satu hingga dua jam. Selepas mendapatkan khidmat, para pelanggan akan mengisi borang penilaian yang disediakan.

"Selepas menamatkan 10 sesi dan menepati piawaian yang ditetapkan, pelatih-pelatih ini akan diberi Sijil Asas Urutan Melayu," katanya yang juga merupakan Naib Pengerusi HAMA.

Kongsi Zam, setelah mendapat sijil tersebut, peserta-peserta perlu menjalani satu kursus lanjutan yang memakan masa tiga hingga enam bulan untuk mendapatkan Sijil Amalan Profesional Urutan Melayu.

"Sekiranya lulus, para peserta akan ditauliahkan dalam satu majlis graduasi untuk mengiktiraf kejayaan mereka. Dengan adanya pengiktirafan ini, para peserta boleh bergerak sendiri untuk menjana pendapatan mereka.

"Pihak penganjur pada masa yang sama turut memantau dan membantu para peserta sehingga mereka benar-benar boleh berdikari," ujarnya.

Sebagai ilmu untuk berhadapan dengan pelanggan, Zam menjelaskan, para pelatih juga turut diterapkan dengan kemahiran berkomunikasi dan keusahawanan untuk menjual 'kemahiran' mereka.